

Headline	Barangan Jualan Sentuhan Rakyat laris		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	04 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	21	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	419 cm <sup>2</sup>
Journalist	ROSALINDA MD.SAID	AdValue	RM 9,357
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,070



A. LATIFF AWANG (kanan) membantu para pengunjung membeli sayur-sayuran menerusi Program Jualan Sentuhan Rakyat di pekarangan Pasar Binjai Rendah, Kuala Terengganu, semalam. - MINGGUAN/FARID JANUDIN

Dikunjungi 5,000 orang

# Barangan Jualan Sentuhan Rakyat laris

Oleh ROSALINDA MD.SAID  
pengarang@utusan.com

■ KUALA TERENGGANU 3 FEB.

**P**ROGRAM Jualan Sentuhan Rakyat di pekarangan Pasar Binjai Rendah di sini hari ini ditutup lebih awal apabila barangan makanan dan keperluan asas lain yang dijual habis dalam waktu singkat.

Sambutan menggalakkan hampir 5,000 pengunjung itu adalah kerana masing-masing tidak mahu melepaskan peluang mendapatkan ikan, ayam, sayur-sayuran, beras, susu, minyak masak dan pelbagai lagi yang dijual dengan harga lebih rendah berbanding pasaran.

Ketua UMNO Bahagian Marang, A. Latiff Awang berkata, seawal pukul 8 pagi orang ramai sudah memenuhi gerai jualan hingga menyebabkan operasi yang sepatutnya berakhir pukul 11 pagi dihentikan setengah jam lebih awal kira-kira pukul 10.30 pagi.

Katanya, program yang dige-

rakkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bersama penglibatan agensi kerajaan dan swasta termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Tunas Manja Group dengan kerjasama UMNO bahagian itu ternyata memberi kelegaan dalam membantu meringankan beban perbelanjaan harian penduduk.

"Rata-rata penduduk gembira dengan harga murah yang ditawarkan kerana secara tidak langsung mereka dapat membuat penjimatan antara RM50 hingga RM100 menerusi pembelian yang banyak.

"Inilah peranan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang sentiasa prihatin terhadap denyut nadi rakyat dan menjadi tugas kami untuk membantu meringankan beban penduduk termasuk menerusi jualan harga berpatutan sebegini," katanya selepas merasakan program itu di sini.

Yang hadir sama Pegawai Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Rhu Rendang, Datuk Nik Dir Nik Wan Ku.

Menurut A. Latiff, program jualan itu akan diteruskan di DUN Rhu Rendang pada 1 Mac ini diikuti DUN Alor Limbat pada 7 April dan yang terakhir Bukit Payung.

Katanya, bekalan untuk pasaran akan cuba dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi membolehkan lebih ramai anggota masyarakat mendapatkan barangan keperluan dengan harga yang lebih rendah.

Sementara itu, seorang pengunjung, Azizah Khalid, 54, dari Kampung Bukit Sawa berpuas hati apabila ayam, beras dan bawang dijual pada harga yang lebih rendah.

"Selama ini anak yang selalu beli barang di pasar dan kali ini dia bawa saya ikut sebab katanya semua barang yang dijual murah. Jadi, dapatlah kami beli pada kuantiti banyak dan dalam masa sama berjimat," katanya.